

UNIT 1: KELUARGA GUAN HONG

A. Bina empat ayat berdasarkan gambar dan rangkai kata yang diberikan.



1. - menonton televisyen - ruang tamu -

2. - membaca surat khabar - sofa -

3. - menyediakan minuman - keluarganya -

4. - mewarna gambar rama-rama - pensel krayon -

B. Senaraikan kata nama am dalam rajah di bawah.

pakaian	restoran	buaya	gajah
Guan Hong	jururawat	klirik	adik
Tokong Ular	Khamis	meja	Januari

1. _____

5. _____

2. _____

6. _____

Kata Nama Am

3. _____


7. _____

4. _____

8. _____

C. Tulis ucapan yang betul berdasarkan gambar.

- ★ Selamat petang, Cikgu Wong.
- ★ Jemputlah makan, pak cik.



UNIT 2: KAMI GEMBIRA

A. Lengkapkan ayat di bawah dengan jawapan yang betul.

Lawatan ke Cameron Highlands




melawat	membeli	menaiki
berbual-bual	menyertai	menarik

1. Guan Hong dan rakan-rakannya _____ lawatan ke Cameron Highlands.
2. Pada pukul 7.00 pagi, mereka _____ bas sekolah untuk ke sana.
3. Ketika berada di sana, mereka _____ ke kebun bunga.
4. Bunga-bunga di Cameron Highlands sangat cantik dan _____ perhatian mereka.
5. Mereka juga singgah di gerai buah-buahan untuk _____ buah tangan.
6. Dalam perjalanan pulang ke sekolah, mereka _____ tentang keseronokan lawatan ke Cameron Highlands.

B. Tulis kata nama khas yang betul pada ruangan yang disediakan berdasarkan gambar.

Si Tompok	Restoran Ada Rasa	Kedai Ekon Jimat	Modenas
Encik Osman	Jalan Desa Lati	Pejabat Pos Sri Lati	Perodua Alza




- | | |
|----------|----------|
| 1. _____ | 5. _____ |
| 2. _____ | 6. _____ |
| 3. _____ | 7. _____ |
| 4. _____ | 8. _____ |

UNIT 3: SAUDARA-MARA SAYA

A. Warnakan jawapan yang betul berdasarkan gambar.

1.



bermain catur

bermain guli


2.



perayaan

pengantin

3.



bercerita

berbual

4.



berdiri

bersila

5.



membuka

mengangkat

6.



melihat

melukis

B. Baca petikan dan jawab soalan yang berikut.

Pada waktu rehat, Narin berlari ke kantin. Tiba-tiba, Narin terlanggar Helmi. Helmi terjatuh. Lutut dan siku Helmi terluka. Narin juga terluka.

Pengawas sekolah membawa mereka ke bilik rawatan. Cikgu Nadia membersihkan luka mereka. Cikgu Nadia membubuh ubat dan membalut luka mereka. Beliau menasihati Narin supaya tidak berlari apabila hendak ke kantin.

1. Mengapakah Helmi terjatuh?

Helmi terjatuh kerana _____

2. Narin dan Helmi dibawa ke mana?

Narin dan Helmi dibawa ke _____

3. Siapakah yang membubuh ubat dan membalut luka mereka?



4. Apakah nasihat Cikgu Nadia kepada Narin?

Cikgu Nadia _____

C. Bulatkan kata ganti nama diri yang betul.


1. "Nama (saya / kami) Vimala. Siapakah nama kamu?" tanya Vimala kepada kawan baharunya.
2. "Sudahkah (saya / kamu) siapkan kerja sekolah?" tanya ibu kepada Helmi.
3. "(Kita / Kami) akan membantu cikgu," kata Anand dan Narin kepada Cikgu Nadia.
4. "Marilah (kita / kami) tolong Cikgu Wong membawa buku-buku latihan ke bilik guru," kata Zhi Ying kepada Guan Hong.
5. "Amira, bolehkah (kamu / saya) membuang sampah itu?" tanya Cikgu Husnah.

D. Warnakan penjodoh bilangan yang betul.

1.		ekor batang	5.		utas helai
2.		biji bentuk	6.		jambak gugus
3.		pasang gugus	7.		biji bilah
4.		kuntum tandan	8.		utas keping

UNIT 4: MARI BERKAWAN

A. Lengkapkan ayat berdasarkan maklumat dalam peta alir.



1. Amira berasa sedih kerana _____.
2. Zhi Ying dan Vimala _____.
3. Zhi Ying dan Vimala mengajak _____.
4. Zhi Ying dan Vimala membelikan _____.
5. Amira mengucapkan terima kasih _____.

B. Baca petikan dan jawab soalan yang berikut.

Anand : Eh, Fendi! Mengapakah kamu tidak datang ke sekolah?
Fendi : Saya kurang sihat hari ini.
Anand : Cikgu Nadia ada memberi kita latihan matematik. Kita harus menyiapkan latihan itu. Latihan itu perlu dihantar pada hari esok.
Fendi : Bagaimanakah saya hendak menyiapkan latihan matematik?
Anand : Jangan risau. Nanti saya berikan soalan latihan matematik itu.
Fendi : Terima kasih, Anand.

1. Siapakah kawan Fendi?

A. Anand

B. Nadia

C. Farhan

2. Mengapakah Fendi tidak pergi ke sekolah?

A. sihat

B. kurang sihat

C. tidur lewat

3. Apakah yang diberikan oleh Cikgu Nadia?

A. latihan sains

B. latihan bina ayat

C. latihan matematik

4. Bilakah latihan matematik itu perlu dihantar?

Latihan matematik itu _____
